

20 JUL 2000

Syed Razak-Resolusi

UMNO KEDAH AMBIL TINDAKAN SEGERA LAKSANA RESOLUSI KONVENSYEN

ALOR SETAR, 20 Julai (Bernama) -- Umno Kedah akan melaksanakan secepat mungkin resolusi-resolusi yang diluluskan pada Konvensyen Umno negeri yang berakhir hari ini, kata Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Bagaimanapun, beliau berkata bagi beberapa resolusi yang pihak Umno negeri tiada kuasa seperti resolusi yang meminta perkataan Islam ditarik daripada nama parti Pas, perkara itu akan dibawa ke peringkat pusat.

Sebanyak lima resolusi dibentang dan diluluskan, mencakupi politik, ekonomi, pendidikan, sosial dan agama.

Syed Razak, yang juga Pengerusi Perhubungan Umno negeri, berkata secara keseluruhannya kesemua resolusi itu adalah positif ke arah memajukan parti.

"Pandangan yang dinyatakan oleh para anggota Umno melalui resolusi itu kita anggap sebagai satu garis panduan untuk kita jalankan pentadbiran parti di peringkat negeri," katanya kepada pemberita selepas menutup konvensyen itu, di sini hari ini.

Lebih 700 anggota Umno menghadiri konvensyen dua hari itu. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan konvensyen itu pagi tadi.

Syed Razak berkata konvensyen juga membincangkan mengenai prestasi pilihan raya yang lepas serta perancangan dalam masa empat tahun ini bagi menghadapi pilihan raya akan datang.

Secara keseluruhannya beliau berpuas hati dengan perjalanan konvensyen itu.

Beliau berkata konvensyen seumpama itu memberi peluang kepada parti untuk mendengar pendapat para anggota supaya parti dapat berjalan dengan lebih tersusun.

-- BERNAMA

MZM AKD